

Haji Hadi Awang Pengganti Asri?

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh: Wartawan Kita.



Haji Hadi Awang, yang ia yakin dapat mengerjakan segala macam urusan parti PAS, bagi menggantikan Datuk Asri. Kesanggupan beliau dalam mengikuti perkembangan parti mungkin kerana beliau sejak kecil Warak dan kemudian berjaya belajar di Universiti Islam di Madinah.

beberapa bulan yang lalu, dalam satu Persidangan Belanjawan Dewan Negeri Terengganu, lima orang wakil PAS telah diteriak-teriak supaya duduk diam, tiap-tiap kali mereka cuba bangun bercakap membahaskan belanjawan Negeri. Oleh kerana Barisan Nasional menguasai Dewan Undangan Negeri Terengganu, (23 daripada 28 kerusi), YB-YB dari Barisan Nasional tidak begitu berselera untuk mendengar cadangan-cadangan dari PAS - Parti Pembangkang.

Tetapi, bila sampai giliran Ustaz Haji Abdul Hadi Awang, Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu mengambil tempat untuk bercakap, Dewan Undangan telah senyap sepi

buat seketika. Ustaz Haji Hadi yang diramalkan boleh mengganti Datuk Asri sebagai Presiden PAS, telah berjaya mendiamkan seluruh Ahli Dewan Negeri Terengganu dan mendengar setiap patah perkataan yang terlancair dari bibirnya.

Haji Hadi berkata, "Saya mempunyai hak untuk mengkritik kerajaan kerana Islam menggalakkan kritikan membina apabila pemerintah melakukan kesalahan. Saya akan gagal dalam kewajipan saya sebagai seorang Islam jikalau saya tidak menegur kerajaan dalam kesilapannya." Kelihatan di antara penyokong-penyokong kerajaan, mengangguk-anggukkan kepala mereka seolah-olah bersetuju dengan


kata-kata Ustaz Haji Hadi itu.

Kepada rakyat-rakyat yang telah menyaksikan dan mendengar Ustaz Haji Hadi berpidato, tidak syak lagi beliau merupakan salah seorang ahli pidato yang terbaik di Asia Tenggara. Haji Hadi baru berumur 35 tahun (lebih muda dari Anwar Ibrahim).

Setiap hari Jumaat, dia membuat ucapan di Masjid Kampung Rusila, dekat Kuala Terengganu dan tidak kurang dari 5 ribu orang akan datang berpuhu-pusu untuk mendengar beliau bersyarah. Mereka datang dengan bas, trak, van dan jeep dari seluruh Terengganu, semata-mata untuk mendengar pidato seorang 'Politisyen' yang karismatik sepertinya. Adakalanya bas-bas itu penuh sarat dengan peminat-peminatnya dari negeri jiran. Memang diketahui, berbagai-bagai cara, langsung atau tidak langsung, tekanan-tekanan dari kerajaan Terengganu supaya syarahan-syarahan hari Jumaat di Rusila itu tidak menarik rakyat datang ke Masjid Rusila.

Haji Mustafa Ali, yang pernah menjadi Timbalan Menteri Sains dan Teknologi ketika PAS dalam Barisan Nasional dahulu, kini menjadi Ketua Pemuda PAS, seorang yang rapat dengan Ustaz Haji Hadi, berkata, "Tiap-tiap malam Jumaat hingga larut malam, polis mengadakan sekatan jalanraya yang menuju ke Rusila. Bas-bas dan van-van yang membawa penyokong-penyokong Ustaz Haji Hadi adakalanya ditahan daripada pergi ke Rusila kerana mereka dikatakan melanggar peraturan jalanraya. Mereka (orang Barisan Nasional) sungguh takut kepada Ustaz Haji Hadi," kata Haji Mustafa Ali.

Masjid Kampung Rusila telah mempopularkan Haji Hadi dengan ucapan-ucapannya. Ayah Ustaz Haji Hadi, Haji Awang bin Abdul Rahman menjadi imam Masjid Rusila sehingga



Tokoh-tokoh parti PAS bersidang. Bagaimanapun, di tangan merekalah maju dan mundurnya parti Islam itu.

beliau meninggal dunia dalam tahun 1976. Haji Awang pernah menjadi Ketua Hizbul Muslimin yang kemudian bertukar menjadi PAS, telah melatih Haji Hadi untuk menjadi pemimpin agama.

Waktu berumur 19 tahun, Haji Hadi telah begitu fasih dalam Bahasa Arab. Beliau bersekolah Arab di Kuala Terengganu. Waktu berumur 21 tahun, beliau telah berjaya mendapat tempat belajar di Universiti Islam di Madinah. Setelah 4 tahun di Saudi Arabia beliau berjaya mendapat Ijazah Undang-Undang Islam dan meneruskan pengajiannya di Universiti Al-Azhar di Mesir untuk Ijazah *Master* dalam Perundangan Islam. Dalam tahun 1976, Haji Hadi kembali ke Terengganu dan bila ayahnya meninggal dunia, beliau terus menggantikan ayahnya sebagai Imam di Masjid Kampong Rusila.

Seorang guru sekolah, Salleh Ali berkata, "Pada mulanya syarahan Haji Hadi tiap-tiap hari Jumaat, itu hanya dihadiri oleh sidang jumaah di Masjid Rusila sahaja.

Tetapi lama kelamaan, berita kehandalan Haji Hadi berpidato telah menarik ratusan orang seterusnya ri-

buan orang, bukan sahaja dari sekitar Rusila bahkan dari luar Terengganu. Berbalik kepada kemungkinan Haji Hadi menggantikan Datuk Asri, (yang telah pun mengumumkan perletakkan jawatannya sebagai Presiden PAS pada 23hb. Februari lalu) amatlah besar. Tetapi Haji Hadi sendiri telah memberitahu seorang wartawan baru-baru ini yang beliau belum bersedia menggantikan Datuk Asri. Tetapi seorang pemimpin seperti beliau memanglah wajar tidak mahu menunjukkan sangat mahu merebut kepimpinan parti.

Apa yang boleh diramalkan ialah, Haji Hadi memang sudah melengkapkan dirinya dengan kualiti seorang pemimpin besar sebuah parti Islam, dengan karismatik politik, kebolehan berpidato, keahlian dalam bidang agama dan latarbelakang ayahandanya.

Memanglah PAS sebagai sebuah Parti Islam yang dogmatik perlukan seorang pemimpin yang lebih dogmatik dari Datuk Asri kerana ada orang anggap Datuk Asri bersedia sangat bertolak ansur dengan golongan Nasionalis yang lebih cenderung kepada *Sekularisma* dan dengan itu Datuk Asri lebih merupakan seorang pemimpin Islam yang tulin.

Misalnya, baru-baru ini Haji Hadi terang-terang memfiskan penubuhan Bank Islam sebagai kulinnya sahaja Islam. Lantaran beliau ideal terhadap apa yang diinggapnya, Islam beliau tentulah cocok diterima menjadi pemimpin PAS menggantikan Asri. Soalnya, bilakah beliau akan menggantikan Asri?.

Pemangku Presiden PAS, Haji Yusof Rawa, yang pernah mengalahkan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam pilihanraya 1969 dahulu dan pernah pula jadi Duta Malaysia ke Iran masih perlu memimpin PAS buat sementara waktu, lebih-lebih lagi ketika PAS sedang dilanda krisis *Inter-Party*. Perkembangan terakhir dari krisis ini ialah perletakkan jawatan Datuk Asri bersama-sama 12 orang bekas orang kuat PAS. *Good-riddance!* Kata golongan anti - ASRI.

Setelah pasir yang sedang berterbangan ini mendapat ke bumi kembali, orang-orang PAS tidak ragu-ragu lagi akan memandang ke Rusila untuk memastikan bakal pengganti Asri sudah bersedia untuk mengambilalih dan melaksanakan apa-apa dikatakan telah gagal dilaksanakan oleh Datuk Asri di masa yang lalu.